



10 OCT, 2023

Kastam rampas motor terpakai dari negara jiran bernilai RM42,113.50

Harian Metro, Malaysia



Kastam rampas motor terpakai dari negara jiran bernilai RM42,113.50



KOH melihat motosikal terpakai diseludup bernilai RM42,113.50 termasuk cukai yang dirampas.

Rantau Panjang: Serbuan ke atas sebuah bengkel di Bukit Bunga, Tanah Merah membawa kepada penemuan 11 motosikal terpakai dipercayai diseludup dari negara jiran bernilai RM42,113.50 termasuk cukai pada 26 September lalu. Rampasan dilakukan susulan kejayaan anggota Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mengagalkan cubaan menyeludup sebuah motosikal Yamaha RXZ di pangkalan haram Bukit Bunga, dua hari sebelum itu. Pemangku Pengarah JKDM Kelantan, Koh Joo Kai

berkata, pihaknya melakukan risikan sebelum menyerbu bengkel terbabit yang dijadikan tempat penyimpanan motosikal terpakai dari negara jiran. "Hasil siasatan mendapati kesemua motosikal terbabit tidak mempunyai nombor pendaftaran Malaysia selain turut diubah suai dipercayai bagi memenuhi permintaan pelanggan tempatan. "Pihak kami masih meneruskan siasatan bagi mengesan pemilik motosikal serta pemilik bengkel bagai mengenal pasti Orang Yang Disyaki (OYDS)

yang terbabit dalam penyeludupan motosikal terpakai ini. "Mereka menggunakan modus operandi dengan membawa motosikal melalui laluan sungai menggunakan bot atau sampan ke pangkalan haram sebelum dibawa ke bengkel," katanya dalam sidang media di Pejabat Penguatkuasaan JKDM Rantau Panjang, di sini, semalam.

Menurutnya, kes terbabit disiasat mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967. "Kes penyeludupan motosikal terpakai bukanlah yang pertama diperoleh pihak JKDM Kelantan, namun begitu rampasan kali ini agak besar dipercayai kerana mula mendapat permintaan tinggi dalam kalangan peminat motosikal tempatan," katanya.



10 OCT, 2023

Kastam rampas motor terpakai dari negara jiran bernilai RM42,113.50

Harian Metro, Malaysia



SUMMARIES

KOH melihat motosikal terpakai diseludup bernilai RM42,113.50 termasuk cukai yang dirampas.

Rantau Panjang: S erbuan ke atas sebuah bengkel di Bukit Bunga, Tanah Merah membawa kepada penemuan 11 motosikal terpakai dipercayai diseludup dari negara jiran bernilai RM42,113.50 termasuk cukai pada 26 September lalu. Rampasan dilakukan susulan kejayaan anggota Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mengagalkan cubaan menyeludup sebuah motosikal Yamaha RXZ di pangkalan haram Bukit Bunga, dua hari sebelum itu.